



**SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI APLIKASI MYSEJAHTERA *CHECK-IN* UNTUK
PERNIAGAAN, PEMBINAAN & INDUSTRI**

Maklumat am berkenaan fungsi MySejahtera *Check-In*

1. Apakah fungsi MySejahtera *Check-In*?

Fungsi MySejahtera *Check-In* merupakan sistem pendaftaran dan pengawalan kemasukan pelawat secara berstruktur dan seragam ke dalam sesuatu premis. Ia berfungsi untuk membantu negara dalam mengurus penularan wabak COVID-19 dan memastikan keselamatan awam.

Fungsi MySejahtera *Check-In*:

- i. Membantu pendaftaran pelawat di premis secara automatik dan cepat;
- ii. Mengurangkan kesesakan pelawat;
- iii. Mencegah penularan jangkitan dengan meningkatkan pematuhan budaya Norma Baharu; dan
- iv. Memastikan keselamatan maklumat peribadi pengguna agar tidak di salah gunakan.

2. Siapakah pengguna fungsi MySejahtera *Check-In*?

Terdapat tiga kategori pengguna aplikasi iaitu:

- i. Pentadbir aplikasi di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- ii. Rakyat Malaysia dan semua warga asing yang menetap di Malaysia; dan
- iii. Pemilik premis.

3. Dimanakah fungsi MySejahtera *Check-In* boleh digunakan?

- i. Premis perniagaan
- ii. Kilang
- iii. Tapak pembinaan
- iv. Kedai-kedai
- v. Pejabat-pejabat
- vi. Pengangkutan awam

4. Apakah versi aplikasi MySejahtera yang menyokong fungsi MySejahtera *Check-In*?

Fungsi ini hanya boleh didapati di aplikasi MySejahtera versi 1.0.18 ke atas. Pengguna boleh mengemaskini aplikasi MySejahtera di Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA), *Apple App Store*, *Google Play Store* dan *Huawei AppGallery*.

5. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan bantuan teknikal sekiranya menghadapi masalah semasa menggunakan fungsi MySejahtera *Check-In*?

Anda boleh mendapatkan bantuan dengan menekan 'Bantuan Teknikal' pada aplikasi MySejahtera.

6. Adakah maklumat peribadi saya yang dimasukkan dalam aplikasi ini selamat?

MySejahtera *Check-In* menjamin keselamatan maklumat peribadi pengguna agar tidak di salah gunakan. Log lawatan dan maklumat pengguna di kawal selia oleh KKM dan hanya akan digunakan oleh KKM sekiranya terdapat pelaporan kes COVID-19 yang positif.

7. Terdapat premis-premis yang masih belum menggunakan MySejahtera *Check-In*, bilakah sistem ini akan dikuatkuasakan sepenuhnya?

MySejahtera *Check-In* boleh digunakan oleh pemilik premis bermula dari 1 Jun 2020. Mereka digalakkan untuk menggunakan MySejahtera *Check-In* kerana sistem ini disokong oleh KKM dan menjamin keselamatan maklumat pengguna.

Fungsi MySejahtera *Check-In* untuk pelawat

1. Bagaimanakah pelawat menggunakan fungsi MySejahtera *Check-In*?

Untuk pengguna aplikasi MySejahtera sedia ada (pastikan aplikasi MySejahtera anda berada di versi terkini):

- i. Langkah 1: Tekan butang Kod QR di laman utama MySejahtera dan tekan '*Check-in*' untuk daftar kemasukan anda (sistem kamera akan terbuka secara automatik untuk mengimbas Kod QR MySejahtera Premis);
- ii. Langkah 2: Sila imbas Kod QR MySejahtera Premis; dan
- iii. Langkah 3: Setelah mengimbas, pengguna akan menerima laporan *check-in* yang berjaya.

Untuk pengguna yang tidak menggunakan aplikasi MySejahtera:

- i. Langkah 1: Sila imbas Kod QR MySejahtera Premis menggunakan kamera telefon;
- ii. Langkah 2: Laman web MySejahtera *Check-In* akan dibuka.
- iii. Langkah 3: Pengguna perlu memasukkan nama serta nombor telefon dan perlu menjawab soalan penilaian kesihatan sendiri
- iv. Langkah 4: Tekan butang 'Hantar'; dan
- v. Langkah 5: Susulan itu, pengguna akan menerima laporan *check-in* yang berjaya.

2. Kenapa saya mesti menggunakan pengimbas kod QR MySejahtera?

Dengan menggunakan pengimbas kod QR MySejahtera, maklumat pengguna dijamin selamat dan hanya akan digunakan oleh KKM sekiranya terdapat pelaporan kes COVID-19 yang positif. Melalui kaedah ini juga, pengguna tidak perlu mendaftar secara manual kerana mereka akan didaftar dengan automatik dalam sekali imbas.

3. Berapa lamakah maklumat saya akan disimpan dalam MySejahtera *Check-In*?

Maklumat pengguna hanya disimpan selama 90 hari dan akan dihapuskan selepas itu.

4. Saya telah menerima status 'Tinggi' setelah mengimbas kod QR MySejahtera, adakah saya dilarang untuk memasuki ke premis?

Pengguna MySejahtera sedia ada akan menerima status 'Tinggi' sekiranya mereka diklasifikasikan sebagai *Person Under Surveillance* (PUS), *Person Under Investigation* (PUI), *Casual Contact* atau *Close Contact*. Pelawat yang bukan pengguna aplikasi MySejahtera akan turut menerima status 'Tinggi' sekiranya mereka menjawab 'Ya' pada pernyataan kesihatan di halaman pendaftaran MySejahtera *Check-In*.

Walaupun bagaimanapun, kemasukan pelawat ini adalah tertakluk kepada polisi premis tersebut. Pada masa ini, masih tiada peraturan yang tidak membenarkan kemasukan mereka ke premis tersebut.

Fungsi MySejahtera *Check-In* untuk pemilik premis

1. Bagaimanakah proses kegunaan fungsi MySejahtera *Check-In* untuk pemilik premis?

Untuk pendaftaran, pemilik premis perlu mengikuti langkah-langkah berikut:

- i. Langkah 1: Daftarkan premis anda di [---](#);
- ii. Langkah 2: Masukkan nombor telefon bimbit dan tekan 'Daftar';
- iii. Langkah 3: Anda akan menerima *One Time Pin* (OTP) melalui SMS daripada [---](#);
- iv. Langkah 4: Masukkan OTP yang diterima dan tekan 'Hantar';
- v. Langkah 5: Isikan butiran pendaftaran syarikat seperti yang tertera di laman web dan tekan butang 'Hantar'. Anda akan mendapat mesej 'Pendaftaran Berjaya'; dan
- vi. Langkah 6: Anda akan menerima Kod QR MySejahtera Premis yang unik kepada premis anda untuk dimuat turun dan dicetak. Kod QR tersebut perlu ditampal di hadapan premis untuk diimbas oleh pelawat.

Untuk log masuk, pemilik premis perlu mengikuti langkah-langkah berikut:

- i. Langkah 1: Log masuk di pautan berikut [---](#);
- ii. Langkah 2: Masukkan nombor telefon bimbit anda dan tekan 'Log Masuk';
- iii. Langkah 3: Anda akan menerima *One Time Pin* (OTP) melalui SMS daripada [---](#);
- iv. Langkah 4: Masukkan OTP yang diterima dan tekan 'Hantar';
- v. Langkah 5: Anda mengemaskini maklumat premis di *dashboard* pengurus.